

51

SOALAN NO. 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL  
HADI BIN AWANG [MARANG]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan seterusnya untuk  
menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi kes Memali selepas  
Kerajaan menyatakan kesediaannya tempoh hari.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, dalam kes Memali, keputusan atau cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja adalah tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Siasatan 1950.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]**  
**TARIKH** : **23 OKTOBER 2017 [ISNIN]**  
**SOALAN** : **21**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berikutan penangguhan pembukaan semula Pusat Sains Negara:-

- (a) mengapa pembukaannya masih ditangguhkan; dan
- (b) siapakah kontraktor yang bertanggungjawab serta jumlah nilai tendernya.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pusat Sains Negara (PSN) Kuala Lumpur telah ditutup sementara waktu kepada pengunjung bermula 20 Mac 2015 untuk kerja-kerja penggantian bumbung *polycarbonate* PSN di samping kerja-kerja naik taraf infrastruktur dan infostruktur. Usaha ini bertujuan untuk memberi keselesaan kepada pengunjung seterusnya menjadikan pembelajaran sains, teknologi dan inovasi (STI) lebih menarik melalui pendekatan *informal science learning* yang lebih interaktif dan informatif.

Projek bagi kerja-kerja penggantian bumbung *polycarbonate* PSN di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) berjalan dengan lancar. Projek

tersebut telah dianugerahkan kepada Retrofit System Sdn. Bhd. selaku kontraktor utama dengan nilai kontrak semasa berjumlah RM20.2 juta. Projek ini bermula pada 20 Mac 2015 dan telah siap sepenuhnya pada 24 Ogos 2017 dan telah diberi Sijil Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion, CPC*).

Sehubungan itu, bangunan PSN Kuala Lumpur telah diserahkan kembali kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 10 Oktober 2017. PSN Kuala Lumpur telah dibuka semula kepada umum pada 12 Oktober 2017 sempena *National Innovation and Creativity Economy Expo'17 (NICE'17)*. Seramai lebih kurang 46,000 pengunjung telah mengunjungi PSN KL sepanjang NICE'17 berlansung pada 12 hingga 16 Oktober.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 22 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM  
[ SARATOK ]**

**SOALAN :**

**YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM [ SARATOK ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam terus memperkasakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) negara kita.

55

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) mula diperkenalkan pada tahun 1970, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat melalui pengwujudan peluang ekonomi yang lebih seimbang serta pembangunan 'pertumbuhan dengan pengagihan' atau, dengan izin, '*growth with equity*' bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih harmoni dan sejahtera.

Dasar-dasar pembangunan nasional yang dirangka seperti Dasar Pembangunan Negara (DPN, 1991 hingga 2000), Dasar Wawasan Negara (DWN, 2001 hingga 2010) dan Dasar Transformasi Negara (TN50, 2020 hingga 2050) merupakan kesinambungan daripada DEB bagi memacu pembangunan ekonomi negara berdasarkan aspirasi rakyat.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), semangat DEB ini terus diperkasakan berdasarkan pendekatan pembangunan secara

inklusif bagi memastikan kesaksamaan bukan sahaja dalam dimensi etnik tetapi juga merentasi kumpulan pendapatan dengan memberi perhatian kepada golongan mudah terjejas (*vulnerable group*) khususnya kumpulan B40 dalam kalangan semua kaum. Antara langkah dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan seperti berikut:

1. mempertingkatkan pelaksanaan program dan inisiatif khusus kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) serta kumpulan berkeperluan khusus dalam kalangan semua kaum meliputi Bumiputera Sabah dan Sarawak, masyarakat Orang Asli, masyarakat India, penduduk Kampung Baru Cina dan sebagainya. Antara programnya adalah meliputi program ekonomi termasuk latihan kemahiran, penyediaan kemudahan asas termasuk perumahan, program keusahawanan dan sebagainya; dan
2. memperluaskan peluang pelaburan dan saham amanah seperti Amanah Saham Wawasan (ASW) dan Amanah Saham Gemilang (ASG) yang dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Di antara program yang dilaksanakan adalah

57

memperkenalkan skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) 2 di bawah PNB.

Kerajaan yakin bahawa pelaksanaan dasar DEB dilihat masih kekal relevan dan akan terus diperkasakan melalui dasar-dasar pembangunan negara yang dirangka dan disesuaikan berdasarkan keperluan semasa. Ini memandangkan pelaksanaannya telah terbukti berjaya meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat. Malahan, berjaya mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih harmoni dengan pengwujudan peluang ekonomi yang lebih saksama.

Sekian, terima kasih.

23 Oktober 2017